

Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa Melayu Di IPTA: Satu Tinjauan Ke Arah Pembentukan Pendidikan Kesukarelawan

Julinawati Suanda, Mohammad Rezal Hamzah, Azizan Bahari, Ku Amir Ku Daud

Universiti Malaysia Perlis

Siti Rabaah Hamzah, Turiman Suandi

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

Abstrak - Kesukarelawan merupakan bidang yang semakin mendapat perhatian dalam meningkatkan keupayaan sesebuah komuniti. Ia merupakan aktiviti yang mampu memberi nilai kepada pembangunan insan terutamanya golongan belia. Kajian yang dijalankan ini telah meninjau semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar Melayu di IPTA. Seramai 3816 telah terlibat dalam kajian ini. Secara umumnya semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar adalah sederhana. Manakala antara aktiviti yang menjadi tumpuan dalam aktiviti sukarela ialah seperti aktiviti sukan, aktiviti masyarakat dan badan beruniform. Kesukarelawan dalam kalangan pelajar melayu masih sederhana. Penglibatan dan semangat kesukarelawan perlu ditingkatkan kerana memberi kebaikan dalam kepada golongan belia terutamanya pelajar. Penglibatan kesukarelawan bukan sahaja dapat memberi nilai tambah kepada pelajar malah dapat melahirkan bakal pewaris kepimpinan negara yang berkualiti.

Kata Kunci: Kesukarelawan, Pelajar Melayu IPTA, komuniti

1. Pengenalan

Dalam kehidupan budaya masyarakat Melayu sifat tolong menolong merupakan asas kepada perpaduan dan penyatuan dalam komuniti. Aktiviti yang berasaskan tolong menolong dan gotong royong telah diwarisi sejak turun temurun dan ia kekal sehingga ke hari ini. Nilai murni ini haruslah dikekalkan dalam masyarakat Malaysia amnya dan kaum Melayu khususnya. Ada pepatah mengatakan bahawa “bukan Melayu sekiranya tidak beradap susila”. Pepatah ini ada betulnya kerana nilai dan budaya masyarakat Melayu memang sinonim dengan sifat yang lemah lembut, berbudu bahasa, kaya dengan santunnya, dan sikap tolong menolong diantara satu sama lain.

Semua nilai-nilai yang disebutkan diatas merupakan asas kepada elemen kesukarelawan yang sering dikatakan oleh penyelidik-penyelidik yang berminat dalam melaksanakan kajian dikalangan Negara membangun dan mundur. Mereka menganggap bahawa kesukarelawan merupakan modal sosial yang perlu diserlahkan untuk membantu dalam mengatasi masalah sosial, masalah kemiskinan dan pembangunan sumber tenaga manusia.

Perkembangan kesukarelawan sering dikaitkan dengan lumrah kehidupan manusia yang hidup bermasyarakat dan saling bergantung antara satu sama lain sehingga mampu melahirkan ramai sukarelawan. Kesukarelawan dalam bahasa mudahnya ialah

perbuatan memberi atau kemahuan untuk melakukan sesuatu untuk kebaikan orang lain (Ward dan Parr, 2006). Okun dan Miche! (2006) pula menyatakan bahawa kesukarelawanan adalah bertujuan untuk membantu orang lain atau organisasi tanpa paksaan dan tanpa mendapat sebarang bayaran atau pampasan kebendaan. Menurut Lindenmeier (2008), kesukarelawanan adalah aktiviti kebajikan. Freeman (1997) pula mendefinisikan kegiatan sukarela sebagai “pekerjaan yang dilakukan tanpa ganjaran kewangan. Ini menjadikan output sosial, yang tidak akan memerlukan sumber daya dibayar” (Freeman, 1997, hal.141). Justeru, secara umumnya, kesukarelawanan boleh didefinisikan sebagai kerja tidak berbayar yang dilakukan dengan sokongan organisasi (Finkelstein dan Brannick, 2007).

Dalam konteks pendidikan, semakin ramai pelajar di era ini yang sedar tentang kepentingan untuk berkhidmat secara sukarela dalam kehidupan sehari-hari. Ini kerana terdapat banyak manfaat dan faedah yang dapat diperolehi dengan bersukarela tanpa mengharap ganjaran. Apabila seseorang pelajar terlibat dengan aktiviti sukarela, pelajar tersebut dengan sendirinya akan membentuk rasa simpati dan sifat tolong-menolong sesama manusia. Nilai murni seperti inilah yang perlu ada dalam diri setiap pelajar agar mereka bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah memiliki modal insan yang cemerlang. Marta dan Pozzi (2008) telah menyatakan bahawa sejak kebelakangan ini, penglibatan golongan muda, terutamanya pelajar, dalam aktiviti sukarela telah meningkat.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (MOHE, 2007) telah menetapkan matlamatnya bahawa pendidikan tinggi negara memberi keupayaan kepada negara untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai ciri-ciri mahasiswa berminda kelas pertama. Di antara ciri peribadi yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a. Berorientasikan matlamat: proaktif, daya tahan diri, disiplin, yakin, bermotivasi, dan berdaya saing di peringkat global.
- b. Intelektual: kreatif, inovatif, dan mempunyai kemahiran berfikir secara kritikal.
- c. Cepat belajar, mudah menyesuaikan diri, dan fleksibel.
- d. Memiliki sifat-sifat keusahawanan.
- e. Beretika dan bermoral tinggi.
- f. Kerohanian yang teguh.
- g. Bersifat penyayang dan prihatin (melalui khidmat masyarakat dan kerja sukarela).

Mahasiswa juga dituntut untuk memiliki ciri-ciri interaksi seperti :

- a. Keterampilan berkomunikasi dan penyampaian berkesan.
- b. Keupayaan menyesuaikan diri dan mudah bergaul dengan orang ramai pada pelbagai peringkat.
- c. Keupayaan untuk maju dan mempunyai kekuatan diri serta rangkaian profesional.
- d. Kepemimpinan.

Dalam usaha mencapai matlamat jangka panjang ini, pelbagai usaha dan inisiatif boleh dilakukan. Jelas terbukti dalam pelan strategik tersebut bahawa perlunya sifat kasih sayang dan prihatin terhadap persekitaran, komuniti, organisasi dan individu. Justeru itu

Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jawatankuasa Masjlis Sukarelawan Universti Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawan. Ekoran wujudnya pelbagai musibah seperti banjir, keadaan kemiskinan diluar bandar elemen kesukarelawan adalah penting untuk dijadikan wadah kepada sifat keprihatinan sesama manusia. Maka dengan itu kesukarelawan mempunyai potensi yang besar dalam menyerlahkan bakat dan ciri-ciri yang diperlukan oleh seseorang mahasiswa. Dengan penglibatan mereka dalam aktiviti ini mereka dapat mempelajari nilai-nilai murni seperti sifat penyayang, memahami masalah dalam komuniti, dan organisasi.

Semakin ramai pelajar di era ini yang menceburkan diri mereka dalam bidang kesukarelawan berbanding dengan pelajar-pelajar pada masa lalu. Ini adalah disebabkan kesedaran mereka tentang kepentingan untuk berkhidmat secara sukarela dalam kehidupan sehari-hari. Terdapat banyak manfaat dan faedah yang dapat diperolehi dengan bersukarela tanpa mengharapkan ganjaran yang besar atau mewah. Apabila seseorang pelajar terlibat dengan kesukarelawan, pelajar tersebut akan dengan sendirinya mempunyai rasa simpati dan sifat tolong-menolong sesama manusia. Kualiti seperti inilah yang perlu ada dalam setiap diri pelajar agar mereka bukan sahaja boleh cemerlang dalam akademik malah memiliki modal insan yang cemerlang.

Para sukarelawan pelajar secara sepakat dan sebulat suara mengatakan bahawa kesukarelawan sedang mengalami perubahan struktur dari sukarela "lama", "klasik", atau "tradisional" kepada "baru" atau "moden" (Rehberg, 2005). Dalam kajiannya, Rehberg ingin mengkaji tentang motivasi-motivasi golongan belia di Swiss untuk aktiviti sukarela antarabangsa yang boleh dibahagikan kepada 3 kumpulan yang mengandungi 12 motif yang berbeza. Daripada kajian, telah didapati bahawa secara keseluruhannya, motivasi bagi golongan belia di Swiss untuk aktiviti sukarela antarabangsa mempamerkan secara jelas sikap "timbang balik/reflexive" sukarelawan. Tanggapan daripada konsep bersukarela timbal balik/reflexive ini, bagi kebanyakan golongan belia, kombinasi beberapa motif adalah relevan bagi menarik minat mereka untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan di peringkat antarabangsa.

Marta dan Pozzi (2008) telah menyatakan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukarela telah meningkat. Walau bagaimanapun, baru-baru ini sahaja personaliti, motivasi dan kesan yang diperolehi daripada penglibatan mereka dalam aktiviti sukarela telah dibincangkan dengan lebih mendalam.

2. Kategori Sukarelawan

Stukas et al. (2009) menyatakan bahawa sukarelawan memberikan bantuan tanpa bayaran kepada mereka yang benar-benar memerlukan termasuklah golongan berikut: kesunyian, sakit, berdukacita dan serba kekurangan. Ini, secara tidak langsung, akan dapat mengisi kekosongan yang tidak diberikan perhatian oleh masyarakat sekeliling. Di sini, seseorang sukarelawan berperanan dalam menghubungkan anggota masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

Dolnicar dan Randle (2007) dalam kajian mereka telah mengkategorikan sukarelawan di Australia kepada enam kumpulan iaitu: "Sukarelawan klasik", "Sukarelawan berdedikasi", "Sukarelawan yang melibatkan diri secara peribadi", "Sukarelawan yang terlibat kerana kepuasan peribadi", "Sukarelawan altruistik", dan akhir sekali "Sukarelawan niche". Para sukarelawan ini diklasifikasikan ke dalam kumpulan-

kumpulan tertentu mengikut faktor tertentu dan faktor keterlibatan mereka dalam aktiviti atau kerja sukarela. Menurut kedua-dua pengkaji tersebut, "Sukarelawan klasik" terdorong untuk terlibat dalam aktiviti atau kerja sukarela atas tiga faktor atau sebab ini iaitu: melakukan sesuatu yang berbaloi; kepuasan peribadi; dan membantu orang lain. "Sukarelawan berdedikasi" pula menganggap setiap satu motif untuk melakukan aktiviti atau kerja sukarela sebagai suatu yang relevan, manakala "Sukarelawan yang melibatkan diri secara peribadi" menyumbangkan masa mereka kerana mengenali seseorang di dalam organisasi tersebut, seperti anak mereka sendiri. "Sukarelawan yang terlibat kerana kepuasan peribadi" dan "Sukarelawan altruistik" pula terlibat dalam kesukarelawanan tulen. Dan akhir sekali, "Sukarelawan *Niche*" biasanya mempunyai kurang dorongan atau terdapatnya dorongan tertentu yang menghalang mereka untuk menyumbangkan dan meluahkan masa, seperti untuk menambahkan pengalaman kerja contohnya.

Dalam kajian yang lain, Dolnicar dan Randle (2007) mendapati bahawa sukarelawan boleh dikategorikan kepada enam kumpulan:

- a. Sukarelawan klasik - terdorong untuk terlibat dalam aktiviti sukarela atas tiga sebab iaitu: melakukan sesuatu yang berbaloi; kepuasan peribadi; dan membantu orang lain;
- b. Sukarelawan berdedikasi - menganggap setiap satu motif untuk melakukan aktiviti atau kerja sukarela sebagai suatu yang relevan;
- c. Sukarelawan yang melibatkan diri secara peribadi - menyumbangkan masa mereka kerana mengenali seseorang di dalam organisasi tersebut, seperti anak mereka sendiri;
- d. Sukarelawan yang terlibat kerana kepuasan peribadi – memperoleh kepuasan diri membantu orang lain;
- e. Sukarelawan *altruistik* – mementingkan diri orang lain melebihi diri sendiri; dan
- f. Sukarelawan *niche* - mempunyai kurang dorongan atau terdapatnya dorongan tertentu yang menghalang mereka untuk menyumbangkan dan meluahkan masa, seperti untuk menambahkan pengalaman kerja.

Menurut Bellamy (2001) pula, sukarelawan boleh dikategorikan kepada empat iaitu:

- a. Profesional – sukarelawan yang mempunyai lesen serta kemahiran yang tertentu seperti jururawat, mekanik, jurutera, akauntan dan doktor dan selalunya akan bergerak secara individu dan berkumpulan.
- b. Tidak berkemahiran – sukarelawan yang tidak mempunyai kemahiran tetapi mempunyai masa dan juga tenaga untuk menyumbang dan bersedia untuk menjalani kursus kemahiran.
- c. Spontan – sukarelawan yang berkhidmat mengikut keperluan dengan segera dalam keadaan kecemasan seperti kebakaran serta tidak terbatas kepada mana-mana kemahiran.
- d. Rakan kongsi – sukarelawan yang menjadi ahli dalam mana-mana agensi sukarela yang mempunyai kemahiran yang tertentu untuk menangani bencana dan sentiasa bersedia pada bila-bila masa kecemasan
- e.

3. Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan. Kaedah soal selidik telah digunakan untuk mendapat maklum balas dari mahasiswa Melayu. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui status penglibatan mahasiswa Melayu yang sering dikatakan alpa dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa di kampus ilmu. Populasi bagi kajian ini adalah semua pelajar institusi pengajian tinggi. Dalam konteks kajian ini, teknik persampelan bernisbah (proportionate) digunakan untuk menentukan jumlah sampel kajian. Penyelidik telah mengenalpasti IPT yang terlibat dalam kajian ini. Penentuan jumlah sampel bergantung kepada populasi pelajar di IPT tersebut. Secara umumnya jumlah pelajar Melayu yang telah terlibat ialah 3816.

Jadual 1: Jumlah Responden Mahaiswa Melayu

IPTA	n	Peratus
USM	191	5.0
UKM	128	3.4
UPM	234	6.1
UITM	821	21.5
UTM	166	4.4
UIAM	167	4.4
UniMAP	102	2.7
UUM	163	4.3
UNIMAS	52	1.4
UMS	177	4.6
UPSI	122	3.2
UMT	178	4.7
UMP	161	4.2
UTHM	125	3.3
UTEM	111	2.9
UNIZA	198	5.2
UMK	85	2.2
UPNM	120	3.1
UM	96	2.5
USIM	180	4.7
POLITEKNIK	239	6.3
Jumlah	3816	100

3.1 Penglibatan dalam aktiviti sukarela

Jadual 2 menunjukkan bahawa sebanyak 44 peratus pelajar melayu telah melibatkan diri dalam aktiviti sukarela sukan manakala 30.1 peratus pula melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat. Kemungkinan aktiviti seperti sukan sering mendapat perhatian dan banyak penganjuran sukan dilaksanakan oleh IPTA. Kejohanan seperti MASUM, dan boleh dikatakan semua IPTA menganjurkan olahraga peringkat universiti setiap tahun. Ini membolehkan mahasiswa yang berminat dengan aktiviti sukan akan melibatkan diri secara sukarela. Manakala aktiviti kemasyarakatan seperti bakti siswa, kampung angkat, dan khidmat komuniti yang lain adalah antara aktiviti yang sering dianjurkan di peringkat persatuan pelajar dan kolej kediaman.

Selain itu aktiviti sukarela seperti pendidikan dan alam sekitar juga menjadi antara aktiviti sukarela dalam kalangan mahasiswa. Aktiviti pembersihan sungai dan pantai merupakan aktiviti yang seringkali dianjurkan oleh mana-mana badan berpersatuan di universiti/kolej. Terdapat di antaranya pula berjaya menubuhkan persatuan yang berasaskan 'cintai alam sekitar' dan 'alam semula jadi'. Aktiviti kesukarelawanan yang berkaitan dengan aktiviti bencana alam telah mendapat perhatian dalam kalangan universiti. Walaupun bencana alam kurang berlaku di dalam negara, peristiwa banjir yang berlaku di negeri-negeri utara malaysia dan di selatan negara telah membuktikan bahawa komitmen dan semangat sukarela dalam kalangan mahasiswa masih boleh dibanggakan. Responden juga diminta untuk memberi maklum balas tentang peringkat penglibatan mereka di dalam aktiviti sukarela sama ada di peringkat kolej kediaman, universiti, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Jadual 2 menunjukkan bahawa hampir kesemua jenis aktiviti-aktiviti sukarela telah dijalankan di peringkat kolej dan universiti. Manakala Aktiviti-aktiviti sukarela yang melibatkan penyertaan di peringkat antarabangsa adalah seperti kesenian, kebudayaan dan bencana alam.

Jadual 2 : Penglibatan Pelajar Melayu Dalam Aktiviti Sukarela


Jenis-jenis aktiviti sukarela yang diceburi	%	Peringkat penglibatan					
		Ko	U	D	N	Kb	A
Sukan (n=1688)	44.0	52.5	30.9	8.1	4.3	2.8	1.4
Rekreasi (n=887)	23.3	51.3	37.2	6.8	3.3	.9	.6
Kesenian (n=702)	18.4	50.7	34.2	6.4	4.0	2.6	2.1
Kebudayaan (n=714)	18.7	49.4	35.7	5.7	3.9	3.1	2.1
Ekonomi (n=489)	12.8	48.9	37.0	7.2	3.5	2.7	.8
Badan beruniform (n=1064)	27.8	30.6	46.0	10.0	7.2	4.8	1.4
Alam sekitar (n=629)	16.4	51.5	31.6	9.5	4.3	2.1	1.0
Kesihatan (n=533)	13.9	49.2	34.1	8.8	4.3	2.6	.9
Pertanian (n=387)	10.1	56.6	24.0	10.1	4.7	3.6	1.0
Khidmat masyarakat (n=1150)	30.1	33.5	49.0	7.5	6.3	2.3	1.5
Keagamaan (n=894)	23.4	49.9	37.1	5.3	5.1	1.5	1.1
Keluarga (n=488)	12.7	45.7	34.2	11.5	4.5	2.3	1.8
Bencana (n=406)	10.6	45.3	31.5	12.8	5.4	3.0	2.0
Pendidikan (n=813)	21.3	35.5	47.2	4.9	5.4	5.0	1.8

Ko= Kolej, U= universiti, D= daerah, N= negeri, kb=kebangsaan, A= antarabangsa

3.2 Semangat kesukarelawan

Selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk membentuk sebuah masyarakat penyayang menjelang tahun 2020, kesukarelawan merupakan elemen yang penting sebagai wadah kepada pembudayaan dan penghayatan semangat kesukarelawan. Pembudayaan dan semangat kesukarelawan ini perlu dilaksanakan seawal mungkin kepada golongan belia atau remaja terutamanya remaja Melayu. Ini adalah kerana pada lingkungan umur tersebut bukan sahaja berlaku perkembangan mental dan emosi yang drastik malah para belia dan remaja ini mula matang untuk menentukan yang baik dan buruk. Di sinilah masanya golongan pendidik perlu mengambil kesempatan untuk menyuntik semangat kesukarelawan ini agar mereka terbiasa dengan konsep dan aktiviti sukarela.

Justeru, kajian ini memberi gambaran tentang status golongan belia melayu yang sedang melanjutkan pengajian atau dengan kata lainnya golongan mahasiswa terhadap semangat kesukarelawanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden hanya mempunyai semangat kesukarelawanan yang sederhana (57.7%). Manakala hanya 38 peratus sahaja yang mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi (Rajah 1)



Rajah 1 : Taburan Responden Mengikut Tahap Semangat Sukarela (n=3816)

Jadual 3 menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap semangat kesukarelawanan yang sederhana, mereka yang beranggapan bahawa sukarela adalah amalan yang mulia (min=4.23), menggunakan masa dengan perkara yang berfaedah (4.06), berbangga (min 4.02) dan kesukarelawanan adalah merupakan satu tanggungjawab sosial yang penting. Manakala sebahagian yang lain pula merasakan aktiviti sukarela adalah aktiviti yang menyeronokkan dan mereka berminat untuk melakukan aktiviti sukarela seperti khidmat masyarakat/komuniti.

Jadual 3 : Taburan Responden Berdasarkan Elemen Semangat Kesukarelawan
 (n=3816)

	Peratus					Mean	Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5		
Saya rasa kerja sukarela adalah amalan mulia	0.4	1.1	10.3	51.6	36.5	4.23	0.781
Saya dapat menggunakan masa yang terluang dengan berfaedah	0.7	1.9	12.6	60.6	24.3	4.06	0.711
Saya bangga menjadi seorang sukarelawan	0.9	2.2	17.3	52.8	26.7	4.02	0.781
Saya bersukarela kerana merasakan tanggungjawab sosial adalah sangat penting	0.7	2.3	14.8	58.5	23.6	4.02	0.737
Saya rasa seronok dalam melakukan aktiviti sukarela	0.5	1.7	16.1	60.5	21.2	4.00	0.699
Saya bersukarela kerana saya berminat dengan khidmat komuniti	0.7	2.6	20.7	53.3	22.7	3.95	0.772
Kerja sukarela adalah sehari dengan pegangan hidup saya	0.9	2.2	21.9	52.5	22.5	3.93	0.782
Aktiviti sukarela tidak membuang masa	7.7	18.7	11.3	21.4	40.9	3.69	1.367
Keseluruhan						3.83	0.529

Skala 1= Sangat Tidak Setuju – 5= Amat Setuju

4. Kesimpulan dan implikasi

Secara keseluruhannya semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa mela adalah baik (57.7% di tahap sederhana dan 38% di tahap tinggi). Responden lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti sukarela berasaskan sukan; bidang lain adalah khidmat masyarakat, rekreasi, badan beruniform dan keagamaan. Dapatan ini menggambarkan pelajar Melayu berpotensi tinggi untuk terlibat dalam aktiviti sukarela secara aktif.

Usaha daripada pihak IPT adalah perlu dalam meningkatkan penglibatan pelajar Melayu. Pendidikan terhadap elemen kesukarelawan perlu dibangunkan secara hoslitik agar pelajar-pelajar didedahkan dengan sifat dan falsafah kesukarelawan secara berterusan. Mereka akan lebih faham sekiranya pendidikan secara formal dalam elemen kesukarelawan diberikan secara berstruktur. Di negara barat seperti di Amerika, kesukarelawan menjadi intipati kepada intergrasi sosial yang dapat digunakan untuk meningkatkan keupayaan komuniti yang bermasalah. Justeru pihak kerajaan perlu menitikberatkan elemen kesukarelawan ini yang diasaskan dalam budaya melayu dari turun temurun melalui kegiatan gotong royong dan harus dijadikan sebagai wadah kepada pembangunan komuniti amnya dan pembangunan belia positif khususnya.

Pendidikan formal dalam menyentuh hal ehwal kesukarelawan merupakan hala tuju baru dalam melihat elemen kesukarelawan subur dikalangan masyarakat dan belia khususnya. Walaupun pembentukan nilai kesukarelawan adalah dari amalan gotong royong, namun dalam dunia tanpa sempadan dan ketidakseimbangan fenomena alam yang sentiasa silih berganti menuntut elemen kesukarelawan menerima sentuhan baru dalam melahirkan sukarela dalam kalangan masyarakat melayu secara professional. Para sukarela memerlukan pengetahuan dalam pengurusan aktiviti kesukarelawan, kerja sosial dan pembangunan komuniti, kemahiran berkomunikasi dan pengurusan kewangan sosial. Kesemua ini memerlukan latihan dan pendidikan secara formal. Justeru satu kurikulum bersepadu yang lebih formal perlu dibangunkan agar pengetahuan dan kemahiran kesukarelawan dapat di laksanakan secara berterusan untuk kesejahteraan masyarakat terutamanya golongan yang bermasalah dari segi sosial, ekonomi dan kerohanian. Kebanyakan masalah ini melibatkan masyarakat melayu sehingga kini.

Rujukan

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia .(2007). Pelan strategik pengajian tinggi negara : <http://www.mohe.gov.my>
- Bellamy, C. (2001). *The State of the World's Children*. New York: UNICEF, pp. 104.
- Dolnicar, Sara and Randle, Melanie, 2007, "What Motivates Which Volunteers? Psychographic Heterogeneity Among Volunteers in Australia" *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, Vol. 18, No. 2, pp. 135-155.
- Finkelstein, M. A., & Brannick, M. T. (2007). Applying theories of institutional helping to informal volunteering: Motives, role identity, and prosocial personality. *Social Behavior and Personality* 35, 101-114.
- Freeman, Richard B. (1997), "Working for Nothing: The Supply of Volunteer Labor", *Journal of Labor Economics* 15(1), pp. 141 – 166.
- Lindenmeier, J. (2008). Promoting Volunteerism: Effects of Self-Efficacy, Advertisement-Induced Emotional Arousal, Perceived Costs of Volunteering, and Message Framing. *Voluntas*, 19, 43-65.
- Marta, E. and M. Pozzi, 2008. Young people and volunteerism: A model of sustained volunteerism during the transition to adulthood. *J. Adult Dev.*, 15: 35-46. DOI: 10.1007/s10804-007-9033-4
- Marta, E., Guglielmetti, C., & Pozzi, M. (2006). Volunteerism during Young Adulthood: An Italian Investigation into Motivational Patterns. *Voluntas*, 17, 221-232.
- Okun, M& Michel, J. (2006). Sense Of Community And Being A Volunteer Among The Young Old. *Journal Of Applied Gerontology* 25, 173-188
- Rehberg, W. (2005). Altruistic individualists: Motivations for international volunteering among young adults in Switzerland. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations* , 16(2), 109-122.
- Stukas, A., Worth, K., Clary, E., & Snyder, M. (2009). The Matching of Motivations to Affordances in the Volunteer Environment: An Index for Assessing the Impact of Multiple Matches on Volunteer Outcomes. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 38(1), 5.
- Ward, Lorrae; Parr, Judy (2006) Authority, Volunteerism, and Sustainability: Creating and Sustaining an Online Community through Teacher Leadership; *Leadership and Policy in Schools*, Volume 5, Number 2, June 2006 , pp. 109-129(21) Routledge, part of the Taylor & Francis Group